

Malaysia perlu ada daya tahan ekonomi domestik tinggi: PM

BERITA HARIAN 07 MAY 2025

Inf: 3

Pendekatan lebih selamat, bergantung keupayaan sendiri hadapi cabaran global

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia perlu mempunyai daya tahan ekonomi domestik yang tinggi bagi memepuh cabaran global supaya negara mampu bergantung kepada keupayaan sendiri, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, daya tahan itu penting kerana ia pada masa sama mampu menyokong kehadiran pelabur asing ke sini, apatah lagi Malaysia kini menjadi antara pilihan dalam bidang semikonduktor.

Atas dasar itu katanya, adalah penting untuk negara mempunyai disiplin, sikap positif dan yakin dengan pendirian, selain menggunakan peluang yang ada bagi memanfaatkan ruang berkeanaan.

“Saya rumuskan bahawa Malaysia kalau hendak maju dan yakin, memerlukan kekuatan dalaman dahulu melalui daya tahan ekonomi domestik.

“Pendekatan itu lebih selamat, di mana negara harus aman, damai dan mempunyai dasar jelas maknanya kita bergantung kepada keupayaan kita,” katanya berucap pada Majlis Peluncuran

Peluang Pekerjaan dan Penyerahan Surat Tawaran PLKI-ECRL bagi Fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan ECRL, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Datuk Seri Darwis Abdul Razak.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, sebagai contoh beliau turut menggalakkan penggunaan solar tempatan dalam keadaaan Amerika Syarikat (AS) kini dikenakan tarif ke atas China.

“AS menaikkan kadar tarif tinggi bagi mana-mana pengeluaran solar kalau ia berpangkalan di China atau beroperasi oleh syarikat China.

“Jadi apakah kita akan menyerah tanpa menggunakan manfaat itu. Kita harus sedia dengan mengambil langkah menggunakan solar tempatan di bangunan kita sama ada kerajaan atau swasta, sekolah dan hospital,” katanya.

Tumpuan negara luar

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini menjadi tumpuan negara luar apabila beberapa wakil mereka antaranya dari Jepun, Bahrain, AS dan China berkunjung ke sini bagi membuka potensi pelaburan.

Katanya, beliau turut berunding dengan antara satu syarikat semikonduktor terbesar di dunia yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pangkalan bagi pembungkusan dan rekaan maju di



Anwar berswafoto selepas Majlis Peluncuran Peluang Pekerjaan dan Penyerahan Surat Tawaran PLKI-ECRL bagi Fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan ECRL di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Pulau Pinang dan Cyberjaya.

Beliau berkata, negara juga bersedia memberi kemudahan dan sokongan diperlukan bagi mempercepatkan proses itu.

“Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba bincang mengenai bidang tenaga baharu. Selain itu dua menteri dari Bahrain turut berbincang untuk masuk ke Malaysia dan segera melabur.

“Dalam masa singkat juga kita ada syarikat besar dari AS dan

sekarang gergasi ekonomi di rantau ini (China) melalui projek ECRL,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia kekal mengambil sikap sederhana dengan menolak langkah unilateral kerana mengamalkan perdagangan terbuka secara sistem multilateral.

Sementara itu, mengenai PLKI-ECRL, Anwar berkata, dalam menyokong pembangunan dilaksanakan negara khususnya

membabitkan projek terbabit, anak muda perlu menguasai ilmu lebih baik.

“Ramai mencari peluang seperti ini membabitkan latihan pengoperasian, penyelenggaraan dan pengangkutan canggih dan moden yang mana ia memerlukan komitmen baik dan harap anak muda dapat memberikan disiplin, nilai dan ilmu yang menjadi kebanggaan kita,” katanya.